

Huni kawasan kawah banjir

■ *Lelaki baru pindah 5 bulan di Kampung Melayu Subang rugi RM5,000 rumah dinaiki air*

Mohd Hasbi Sidek

mohd.hasbi@hmetro.com.my

Subang

Seorang lelaki tidak menyangka rumah baru disewanya berada di dalam kawasan 'kawah banjir' apabila dinaiki banjir mendadak awal pagi semalam.

Dalam kejadian jam 7.30 pagi semalam, mangsa, Abdul Malik Sani, 44, terkejut apabila rumahnya di Jalan Chengal, Kampung Melayu Subang, di sini, dinaiki air setinggi 0.7 meter.

Mangsa berkata, dia baru berpindah ke rumah itu lima bulan lalu dan tidak mengetahui kawasan itu mudah ditenggelami banjir setiap kali hujan lebat.

"Saya tidak menyangka banjir berlaku mendadak hingga memasuki rumah. Banjir didapati berpunca dari air longkang di belakang rumah yang melimpah sebelum membanjiri kawasan ini," katanya.

Menurutnya, dia sebelum ini pernah memberi bantuan kepada mangsa banjir di Pahang pada 2014, namun tidak menyangka merasai pengalaman sebagai mangsa banjir.

"Saya tidak sempat menyelamatkan perkakas di dalam rumah menyebabkan beberapa perabot, permaidani dan barangan elektrik rosak. Saya anggarkan kerugian dialami mencecah RM5,000," katanya.

Dalam kejadian itu 500 rumah di Jalan Chengal, Jalan Jati, Jalan Jambatan Re-

sak, Jalan Merbau dan Jalan Cempeka di sini, dilanda banjir kilat, bagaimanapun tiada mangsa dipindahkan memandangkan air surut sejam kemudian.

Penolong Pengarah Operasi dan Penyelamat Bomba Selangor, Mohd Sani Harul berkata, mendapat laporan kejadian banjir kilat di Kampung Melayu Subang dan Bandar Baru Kundang.

"Seramai 50 penduduk di kedai dan rumah di Bandar Baru Kundang dipindahkan sementara ke kawasan tinggi sebagai langkah berjaga-jaga berikutan air mulai naik setinggi 0.7 meter di kawasan berkenaan. Namun mereka dibenarkan pulang jam 11 pagi selepas banjir mulai surut," katanya.